Bahagian A [*50 markah*]

Jawab **semua** *soalan*.

1. Nyatakan **empat** proses terawal dalam proses perniagaan. [4]

2. Huraikan perbezaan di antara Syarikat Tunas Manja Sendirian Berhad dan Media Prima Berhad dari aspek milikan, modal dan pengurusan. [6]

3. Jelaskan kaedah pemeriksaan dalam proses pengeluaran. [6]

4. Huraikan **dua** sistem kawalan inventori. [4]

5. Huraikan **tiga** elemen dalam Model Gelagat Pengguna. [6]

> Syarikat NRJ Sdn. Bhd. menanggung kos tetap untuk jualan nasi ayam sebanyak RM20,000 setahun. Kos berubah seunit nasi ayam ialah sebanyak RM5.00. Jumlah jualan nasi ayam dijangka ialah sebanyak 25,000 unit. Tokokan atas kos ialah sebanyak 20%.

6. Berdasarkan harga tokokan kos dalam petikan di atas, hitung,
   i) Kos setiap unit nasi ayam [3]
   ii) Harga jualan setiap unit nasi ayam [3]

7. Berikan **empat** jenis sumber dana mengikut jangka masa pendek. [4]

8. Terangkan **dua** prinsip tambahan dalam prinsip ganti rugi. [6]

9. Huraikan **dua** jenis faedah berbentuk wang dan bukan wang yang diberikan kepada pekerja. [4]

10. Huraikan **dua** skim penamatan perkhidmatan. [4]

Bahagian B [*50 markah*]

Malaysia Airlines

11. Syarikat penerbangan negara Malaysia Airlines harus dibubarkan kerana sudah tidak boleh diselamatkan lagi, dengan penularan COVID-19, kewangan syarikat itu semakin sukar diatasi. Prestasi syarikat semakin merosot dan Malaysia Airlines sememangnya mempunyai isu legasi sejak bertahun lamanya. Berbilion dolar diperlukan untuk memperbetulkan kembali syarikat berkenaan namun tiada jaminan ia akan berhasil. Pemansuhan Malaysia Airlines boleh digantikan dengan sebuah syarikat penerbangan baharu yang lebih kecil dengan visi dan budaya tenaga kerja baharu serta kepimpinan syarikat diberikan kebebasan mengemudi mengikut dinamika pasaran.

Malaysia Airlines mempunyai sekitar 13,000 tenaga kerja. Ia terlalu besar untuk keadaan sekarang ini dan sekiranya COVID-19 berakhir sekali pun, ia mengambil masa dua hingga tiga tahun sebelum pelancong berani untuk mengembara kembali. Malaysia Airlines menjalani penjenamaan semula pada 2014, namun ketika itu ia adalah satu bentuk perpindahan aset dan bukannya mewujudkan syarikat baharu. Langkah pemindahan itu tidak berjaya mengatasi masalah Malaysia Airlines kerana landskap penerbangan dunia sekarang sudah berubah.

Malaysia Airlines tidak mempunyai pilihan lain selain mengecilkan tenaga kerja jika mahu terus bernaung di bawah bumbung Malaysia Airlines Berhad (MAB). Tidak boleh lari dari soal pembuangan pekerja. Tiada guna penstrukturan dilakukan tanpa memperkemaskan kembali tenaga kerja. penilaian harus dilakukan oleh Khazanah sama ada pemilikan syarikat penerbangan nasional adalah relevan pada masa kini terutama jika dibandingkan dengan jumlah populasi penduduk Malaysia. Malaysia yang mempunyai sekitar 31 juta penduduk tidak sesuai mempunyai sehingga tiga syarikat penerbangan. Ia terlalu banyak dan kapasiti berlebihan. Harus lakukan satu kajian dan melihat tahap optimum jumlah penerbangan yang sepatutnya ada di Malaysia serta syarikat mana yang harus dibubarkan.

Malaysia Airlines memperkenalkan MH EDGILE, program meningkatkan kemahiran dan latihan semula yang terbuka kepada lebih 2,000 pekerja. Program itu menawarkan peluang kepada pekerja untuk meningkatkan kemahiran dan dilatih semula untuk kecekapan pekerjaan lain sama ada dalam kecekapan khusus seperti pengurusan kemudahan dan audit atau bidang am dan boleh dilatih seperti jualan dan meja bantuan IT. Program itu membolehkan pekerja syarikat penerbangan nasional itu memberikan kepakaran dan perkhidmatan mereka untuk menyokong kemampanan perniagaan jangka panjang dan mengkaji ruang baharu untuk berkembang dan membangunkan potensi mereka .

Tertakluk kepada kelulusan, kumpulan pekerja ini akan ditugaskan semula secara sementara untuk membantu jabatan lain yang memerlukan tenaga kerja untuk jawatan kritikal atau fungsi pekerjaan akibat daripada kekangan tenaga kerja. inisiatif ini ditawarkan secara sukarela dan tertakluk kepada prasyarat pekerjaan dan kriteria pemilihan jabatan yang menerima. Semua tugasan akan dilakukan secara sepenuh masa. Pekerja masih dibenarkan untuk mengekalkan kesahihan lesen pekerjaan mereka.

Tempoh tugasan sementara akan bergantung kepada keperluan perniagaan dan operasi syarikat. Pekerja dengan permohonan yang diluluskan akan dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran baharu melalui bimbingan dan latihan sebagai persediaan kepada jawatan baharu. Menerapkan budaya kerja pendigitalan secara serentak untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang yang ditawarkan dalam norma baharu. Oleh itu, meningkatkan kualiti

SKEMA JAWAPAN.

Bahagian A [*50 markah*]

1. Nyatakan **empat** proses terawal dalam proses perniagaan. [4]

   Empat proses terawal dalam proses perniagaan ialah :

   i) Input[1]

   ii) Proses tambah nilai[1]

   iii) Output[1]

   iv) Pemasaran[1]

   **(mesti ikut urutan proses)*

2. Huraikan perbezaan di antara Syarikat Tunas Manja Sendirian Berhad dan Media Prima Berhad dari aspek milikan, modal dan pengurusan. [6]

   Perbezaan :

Aspek	Sykt Tunas Manja Sdn Bhd	Media Prima Bhd
Milikan	2 hingga 50 orang pemegang saham[1]	Minimum 2 orang pemegang saham dan tiada had maksimum[1]
Modal	Jualan saham kepada orang perseorangan[1]	Jualan saham kepada orang awam[1]
Pengurusan	Ahli lembaga pengarah dilantik dalam kalangan pemegang saham perlu menguruskan syarikat [1]	Ahli lembaga pengarah tidak semestinya dilantik dalam kalangan pemegang saham dan sekurang-kurangnya dua orang pemegang saham perlu menguruskan syarikat[1]

   (6 H ikut aspek/dimensi)

3. Jelaskan kaedah pemeriksaan dalam proses pengeluaran. [6]

   Kaedah pemeriksaan dalam proses pengeluaran ialah :

   i) Pemeriksaan menyeluruh [1]

   - Melibatkan pengambilan setiap sampel produk untuk dikaji dan diperiksa satu demi satu.[1]

   ii) Pelan persampelan[1]

   - Pemeriksaan ke atas beberapa sampel kecil yang diambil secara rawak dalam satu kumpulan atau lot produk.[1]

   (2F 2H)

4. Huraikan **dua** sistem kawalan inventori. [4]

Dua sistem kawalan inventori ialah :

i) Sistem kawalan inventori selanjar (kuantiti pesanan tetap) [1]
- aras inventori sentiasa diawasi dan pesanan akan dibuat apabila aras inventori mencapai suatu tahap yang dipanggil titik pesanan semula. [1]

ii) Sistem kawalan inventori berkala (masa tetap) [1]
- aras inventori disemak pada selang masa yang tertentu seperti permulaan setiap hari, setiap minggu atau setiap bulan. [1]

(2F 2H)

5. Huraikan **tiga** elemen dalam Model Gelagat Pengguna. [6]

Tiga elemen dalam Model Gelagat Pengguna ialah :

i) Rangsangan pemasaran dan persekitaran[1]
- campuran pemasaran yang dilaksanakan oleh pemasar iaitu produk, pengedaran, penetapan harga dan promosi.[1]
- rangsangan persekitaran merujuk kepada faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi pengguna seperti ekonomi, budaya, teknologi dan politik. [1]
- rangsangan pemasaran dan persekitaran akan memasuki kotak hitam atau minda pelanggan. [1]

ii) Kotak Hitam Pengguna[1]
- kesemua rangsangan atau input tersebut akan diserap dan diproses dalam minda pengguna.[1]
- Di dalam kotak hitam ini, minda pengguna yang akan menentukan keputusan mereka membuat pembelian.[1]
- Pemikiran pengguna dipengaruhi oleh minda pengguna yang terdedah kepada pelbagai rangsangan pemasaran dan persekitaran. [1]
- Rangsangan ini akan berinteraksi dengan ciri2 pengguna seperti psikologi, budaya, individu, sosial dan lain-lain serta proses membuat keputusan pembelian oleh pengguna yang terhasil akan mempengaruhi persepsi dan kelakuan pengguna.[1]

iii) Maklum balas atau respons pembeli/Tindakan pengguna[1]
- Tindakan seseorang atau individu membuat keputusan sama ada ingin membeli atau tidak membeli.[1]
- Pengguna akan memberi respon terhadap produk yang ditawarkan dari segi pendapat atau sikap sama ada suka atau tidak menggunakan produk atau perkhidmatan tersebut.[1]
- Pengguna juga akan menentukan pilihan produk, jenama, penjual, masa pembelian dan jumlah pembelian berdasarkan gelagat.[1] *(3F 3H)*

Syarikat NRJ Sdn. Bhd. menanggung kos tetap untuk jualan nasi ayam sebanyak RM20,000 setahun. Kos berubah seunit nasi ayam ialah sebanyak RM5.00. Jumlah jualan nasi ayam dijangka ialah sebanyak 25,000 unit. Tokokan atas kos ialah sebanyak 20%.

6. Berdasarkan harga tokokan kos dalam petikan di atas, hitung,

i) Kos setiap unit nasi ayam [3]

= Kos berubah + [kos tetap/jumlah jualan)[1]
= RM5+(RM20 000/25 000)[1]
= RM5.80[1]

ii) Harga jualan setiap unit nasi ayam [3]

= Kos seunit/1-untung sasaran atas jualan[1]
= (RM5.80/1-20%)[1]
= RM7.25[1]

(Pengiraan perlu ditunjukkan dengan jelas dan jawapan akhir mesti dalam unit RM)

7. Berikan **empat** jenis sumber dana mengikut jangka masa pendek. [4]

Empat jenis sumber dana jangka masa pendek :

i) Overdraf[1]
ii) Pemfaktoran[1]
iii) Penerimaan Jurubank[1]
iv) Resit amanah[1]
v) Pinjaman berjangka[1]
vi) Nota janji[1]
vii) Kredit dagangan [1]

(4F pertama)

8. Terangkan **dua** prinsip tambahan dalam prinsip ganti rugi. [6]

Dua prinsip tambahan dalam prinsip ganti rugi ialah :

i) Caruman

- seseorang individu menginsuranskan hartanya dengan lebih daripada sebuah syarikat insurans, setiap syarikat insurans akan berkongsi sama rata untuk membayar pampasan jika berlaku kerugian.[1]

ii) Subrogasi

- prinsip ini memberi kuasa kepada syarikat insurans untuk mengambil alih hak terhadap harta yang diinsuranskan setelah ganti rugi dibayar.[1]

iii) Limpah[1]

- si diinsurans tidak boleh menginsuranskan hartanya pada nilai perlindungan yang melebihi nilai sebenar harta tersebut.[1]

(2F pertama)

9. Huraikan **dua** jenis faedah berbentuk wang dan bukan wang yang diberikan kepada pekerja. [4]

Dua faedah berbentuk wang dan bukan wang yang diberikan kepada pekerja ialah :

i) Insurans pekerja[1]
- Ditawarkan oleh majikan untuk melindungi pekerja daripada sebarang risiko semasa bekerja seperti kemalangan semasa menggunakan mesin.[1]

ii) Caruman KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)[1]
- Bertujuan untuk memberikan perlindungan kewangan kepada pekerja apabila mereka telah sampai umur bersara atau hilang keupayaan untuk bekerja.[1]

iii) Kemudahan pinjaman[1]
- Mewujudkan skim pinjaman mudah dengan kadar bunga yang rendah atau sifar kepada pekerja yang memerlukan pinjaman seperti pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, pinjaman peribadi dan sebagainya.[1]

iv) Caruman PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial)[1] + H
v) Bantuan pendidikan [1] + H
vi) Kemudahan kesihatan [1] + H
vii) Percutian [1] + H
viii) Tempat penjagaan kanak-kanak [1] + H
ix) Keahlian badan profesional dan kelab [1] + H
x) Kemudahan kebajikan dan keselamatan pekerja [1] + H
xi) Kemudahan tempat tinggal [1] + H
xii) Kemudahan pengangkutan [1] + H
xiii) Kemudahan cuti [1] + H

(2F pertama : 2F 2H)

10. Huraikan **dua** skim penamatan perkhidmatan. [4]

Dua skim penamatan perkhidmatan ialah :

i) Penamatan perkhidmatan secara wajib[1]

- Pekerja yang tamat kontrak dilepaskan oleh organisasi tanpa sebarang syarat.[1]
- Cth : Mengikut Akta Pekerjaaan 1955, syarat umur bersara wajib bagi pekerja dalam sektor swasta ialah 55 tahun. Manakala sektor awam pula syarat umur bersara wajib ialah 60 tahun.

ii) Penamatan perkhidmatan secara sukarela[1]

- Pekerja berhak memilih untuk bersara lebih awal atau berhenti kerja secara sukarela lebih awal sekiranya mereka ingin menamatkan kontrak atas pilihan sendiri.[1]
- Cth : Penjawat awam yang sepatutnya bersara wajib pada umur 60 tahun tetapi memilih untuk bersara awal pada umur 56 tahun.[1]

iii) Penamatan perkhidmatan secara pemberhentian[1]

- Pekerja ditamatkan perkhidmatan bukan kerana penamatan secara wajib atau secara sukarela.[1]
- Cth : Pekerja diberhentikan atas tindakan disiplin atau perubahan kepada syarikat yang menyebabkan pekerja dibuang disebabkan penutupan syarikat, penyusunan semula syarikat, pengurangan pengeluaran, penggabungan syarikat, kegawatan ekonomi dan pengambilalihan syarikat.[1]

(2F pertama : 2F 2H)

SOALAN 11

a) Terangkan faktor penentuan keperluan sumber manusia yang dilakukan oleh Malaysia Airlines. [20]

faktor penentuan keperluan sumber manusia yang dilakukan oleh Malaysia Airlines ialah

Fakta	Huraian	Kaitan kes
1. Perubahan sosioekonomi [1]	Kemampuan organisasi untuk memenuhi keperluan pekerjaan bergantung pada daya saing tenaga kerja yang ada dalam sesebuah masyarakat[1]	• Syarikat penerbangan negara Malaysia Airlines harus dibubarkan kerana sudah tidak boleh diselamatkan lagi, dengan penularan COVID-19[1M] • kewangan syarikat itu semakin sukar diatasi[1] • Malaysia Airlines mempunyai sekitar 13,000 tenaga kerja. Ia terlalu besar untuk keadaan sekarang ini dan sekiranya COVID-19 berakhir sekali pun, ia mengambil masa dua hingga tiga tahun sebelum pelancong berani untuk mengembara kembali.[1] • penilaian harus dilakukan oleh Khazanah sama ada pemilikan syarikat penerbangan nasional adalah relevan pada masa kini terutama jika dibandingkan dengan jumlah populasi penduduk Malaysia[1]
2. Pertumbuhan perniagaan [1]	Bergantung kepada pertambahan pertumbuhan sesebuah perniagaan[1]	• Prestasi syarikat semakin merosot [1] • Malaysia Airlines sememangnya mempunyai isu legasi sejak bertahun lamanya[1] • Berbilion dolar diperlukan untuk memperbetulkan kembali syarikat berkenaan namun tiada jaminan ia akan berhasil Pemansuhan Malaysia [1] • Airlines boleh digantikan dengan sebuah syarikat penerbangan baharu yang lebih kecil dengan visi dan budaya tenaga kerja baharu serta kepimpinan syarikat

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta